

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENKALAN CHEPA]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kemajuan Projek Pembesaran dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa. Apakah permasalahan asas operasi LTSIP yang memerlukan peruntukan segera Kerajaan akan dipertimbangkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra telah diluluskan pada 29 Mac 2016 secara tender terhadap kepada lima (5) kontraktor. Selaras dengan dasar semasa Kerajaan, proses perolehan kontraktor projek akan dilaksanakan secara tender terbuka pada tahun 2019 dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada tahun 2020.

2. Disebabkan kekangan kewangan pihak Kerajaan, Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan MOF, MAHB dan MAVCOM sedang menerokai beberapa model pembiayaan bagi membiayai projek-projek pembangunan lapangan terbang termasuk pengenalan dengan izin Regulated Assets Based (RAB), Airport Real Estate Investment Trust (REIT) dan Airport Development Fund (ADF). Kerajaan seterusnya akan mengenal pasti satu model kewangan yang mampan dan fleksibel bagi menampung kos pembangunan dan penaiktarafan kemudahan lapangan terbang di seluruh negara.

3. Kerajaan telah mengenal pasti lima (5) permasalahan asas yang memerlukan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dinaik taraf. Permasalahan-permasalahan tersebut ialah seperti berikut:

- i) Kesesakan penumpang di kawasan-kawasan daftar masuk, *public concourse*, pemeriksaan keselamatan, balai berlepas dan lain-lain kawasan terutamanya pada waktu puncak. Kesesakan ini disebabkan Bangunan Terminal sedia ada mengendalikan bilangan penumpang melebihi kapasiti rekabentuk 1.5 juta penumpang setahun;
- ii) Kekurangan parkir pesawat di kawasan apron menyebabkan penerbangan tertangguh (*delayed*) terutama pada waktu puncak;
- iii) Kekurangan ruang untuk membuat pengasingan penumpang domestik dan antarabangsa bagi memenuhi keperluan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO).
- iv) Ketidakpatuhan kepada piawaian ICAO seperti ketiadaan *line of sight* dari menara kawalan trafik udara dan menara Bomba ke kawasan tertentu di apron dan *taxiway*; dan
- v) Kerosakan sistem pemaliman yang menyebabkan pembatalan atau kelewatan penerbangan terutama pada waktu malam atau ketika cuaca buruk.

Sekian, terima kasih.